

# UPM, UCTC bantu murid disleksia daerah Sepang

**Serdang:** Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) mengadakan jaringan bersama-sama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Sepang melalui Program Transformasi Ilmu Disleksia (PTID).

Pengarah program, Prof Dr Vijayaletchumy Subramaniam, berkata program itu dilaksanakan bagi mengenal pasti murid disleksia pada peringkat awal.

Beliau berkata, langkah itu dapat membantu murid disleksia agar tidak terus ketinggalan tanpa diambil tindakan sewajarnya terutama dalam bidang akademik dan pelbagai bidang lain yang mereka ceburi.

Katanya, melalui pendekatan itu, kebolehan luar biasa murid disleksia dapat dikenal pasti dan dikembangkan.



Sebahagian guru Bahasa Melayu sekitar daerah Sepang menyertai PTID.

“Berdasarkan maklumat daripada Pegawai Pendidikan Khas/Pemulihan PPD Sepang dan pemerhatian oleh guru Tahun Satu di sekolah rendah sekitar daerah itu, sebanyak lima murid mengalami masalah disleksia.

“Manakala, 36 murid lagi mempunyai simptom

disleksia. Guru terbabit menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh daripada program PTID bagi mengenal pasti golongan itu,” katanya.

## Tingkat pengetahuan

Projek komuniti diterajui Prof Vijayaletchumy itu dilaksanakan melalui ker-

jasama ahli jawatankuasa program di bawah geran ‘Knowledge Transfer Grant Scheme’ Jaringan Industri dan Masyarakat.

Selain itu, dua sekolah rendah di daerah Sepang iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Bangkong (A) dan SK Sungai Pelek berjaya menjalankan program Trai-



Prof Vijayaletchumy (kiri) bersama-sama Sariah ketika menghadiri Siri Keempat Program Transformasi Ilmu Disleksia, baru-baru ini.

ning of Trainers (TOT) bagi menyampaikan semula ilmu berkaitan disleksia kepada guru di sekolah mereka yang tidak menyertai program PTID.

Prof Vijayaletchumy berkata, hasil kerjasama itu dapat meningkatkan penguasaan ilmu disleksia dalam kalangan guru

Bahasa Melayu di sekolah daerah Sepang.

Beliau berkata, seramai 70 guru bahasa Melayu Tahun Satu dan prasekolah SK, SJK(T) dan SJK(C) daerah Sepang serta empat PPD Sepang terbabit dalam program itu.

Program itu dikendalikan membabitkan empat siri dengan siri pertama, pendedahan guru mengenai pengetahuan asas berkaitan disleksia, kedua menerangkan simptom, jenis disleksia dan suasana disleksik di Eropah, manakala ketiga, penerangan mengenai teori Levinson serta mekanisme kesalahan melalui teori itu dalam aspek membaca dan mengeja.

Pada siri keempat, Presiden Persatuan Disleksia Malaysia, Sariah Amirin berkongsi pengetahuan, pengalaman dan kepakaran beliau dalam mengendalikan proses pembelajaran kanak-kanak disleksia.